

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : LOKAL

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Seloh-olah tidak mampu dibendung apabila lebih 4,936 alamat pautan laman web (URL) dikesan aktif menjual 'pil kuat' dan pelbagai ubat rangsangan seks haram sejak Januari tahun lalu.

Malah, kegiatan pemasaran melalui dalam talian itu semakin melampau apabila pemilik laman web sengaja menyelit video atau gambar berahi bertujuan menarik minat orang ramai.

Itu antara tindakan tidak beretika untuk meracun pemikiran termasuk kalangan remaja.

Jurucakap Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkata, 3,156 URL berkaitan penjualan pelbagai produk haram dikesan sepanjang 2018 manakala 1,870 URL dikenal pasti sejak Januari 2019 hingga kini.

Menurutnya, iklan berahi melalui URL dan Facebook (FB) untuk melarikan jualan pil atau produk rangsangan seks haram itu semakin menja-

Selit-selit unsur **berahi**

4,936 laman web dikesan aktif jual ubat rangsangan seks haram



UBAT rangsangan seks yang menggunakan kata-kata menghairahkan untuk memikat pelanggan.



Kesan kognitif berunsur seksualiti membentuk pola pemikiran tidak sihat
Dr Noor Irwandy

di-jadi susulan tindakan pihak KKM menyerbu kilang atau syarikat haram produk ini.

Katanya, operasi berterusan KKM ini menyebabkan

sindiket atau individu berkenaan menukar modus operandi dengan memilih medium media sosial untuk transaksi.

"Bersandarkan pelbagai nama dan gambar 'profil palsu' digunakan, siasatan mendapati ribuan URL baru diwujudkan dengan memfokuskan produk kesihatan tidak berdaftar dan pelbagai produk rangsangan seks haram," katanya.

Menurutnya, perkongsian video dan gambar panas itu jelas menimbulkan kemarahan dan rasa kurang senang netizen yang menganggap kaedah pemasaran itu keterlaluan.

"Ayat digunakan jelas bertujuan merangsang syahwat pengguna, sekali gus menarik minat golongan ini mencuba produk ditawarkan itu.

"Lebih memalukan apabila gambar gadis atau wanita bertudung turut dijaja melalui laman sosial yang diselitkan perkataan berbaur lucah.

"Tindakan ini bukan hanya mencemarkan imej Islam, malah jelas menjatuhkan maruah wanita Islam yang sengaja dikaitkan dengan aktiviti seks secara terbuka," katanya.

Sementara itu, pensyarah kanan pusat pengajian Perangsang Media dan Informatik Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dr Noor Irwandy Mat Noordin berkata, penggunaan produk rangsangan seks adalah trend yang berupaya mewujudkan masyarakat bertamannya golongan belia berfikir singkat dan mencari kepuasan melalui jalan pintas.

Menurutnya, pendedahan terhadap produk serta iklan berbau rangsangan seks dalam jangka masa yang berterusan akan membentuk satu kognitif pemikiran berunsur seksualiti yang merosakkan pemikiran.

"Kesan kognitif berunsur seksualiti membentuk pola pemikiran tidak sihat khususnya pada remaja yang akan cuba mengaplikasikan keinginan berdasarkan imaginasi melalui unsur jenayah dan di luar batasan agama.

"Ia akan membawa pada ketagihan separa sadar serta memberikan ancaman keselamatan pada nilai sosial masyarakat. Keselamatan pemakanan juga akan terkesan kerana kandungan barangan kimia haram dan berbahaya," katanya.

Kuala Lumpur: Perang tiada penamatnya apabila sindiket menjual ubat-ubatan tidak berdaftar dan pil rangsangan seks haram tetap hidup kembali walaupun ratusan rampasan dilakukan setiap tahun.

Timbalan Pengarah Cawangan Farmasi Forensik Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Mazlan Ismail berkata, pihaknya sentiasa berusaha menutup laman sosial atau pautan laman web (URL) yang menjual pelbagai produk beracun ini.

"Bagi menjamin keselamatan orang awam, KKM melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk menjalinkan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Facebook, Google dan syarikat e-dagang bagi menyekat laman sesawang dan akaun penjual yang didapati menyalahgunakan sesuatu platform itu untuk aktiviti penjualan produk terlarang.

'Perang' sindiket bagai tiada penamat

"Pemantauan laman sesawang internet dan serbuan serta pemeriksaan di pintu-pintu masuk utama negara turut dilakukan secara berterusan dan tindakan penguatkuasaan diambil terhadap individu yang disyaki menjual produk kesihatan terlarang secara dalam talian," katanya.

Beliau berkata, aktiviti

beli-belah secara dalam talian semakin popular dan ini menjadikan Internet sebagai medium yang terbaik kepada penjual produk kesihatan untuk mengiklankan dan mempromosikan produk jualan mereka.

"Produk-produk kesihatan seperti ubat-ubatan, makanan tambahan dan produk tradisional mudah didapati daripada pelbagai platform melalui Internet. Antara platform yang dimaksudkan adalah laman sesawang individu, e-dagang, forum perbincangan, blog dan media sosial.

"Bagaimanapun, perniagaan yang dijalankan melalui medium tanpa sampa-

dan ini menyebabkan pengguna sukar untuk mengetahui identiti sebenar penjual berkenaan sama ada sesuatu produk dijual itu selamat, berkualiti dan berkesan.

"Antara risiko yang mungkin dihadapi pembeli produk kesihatan secara dalam talian adalah produk dijual tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD), mengandungi bahan terkawal yang memudaratkan kesihatan dan mem-

beli produk tiruan," katanya.

Menurutnya, kebiasaannya penjual produk menggunakan akaun dan identiti palsu di media sosial.

"Keadaan ini menjadikan pembeli kurang berpengetahuan terhadap penjual mengenai mana dan bagaimana sesuatu produk itu dihasilkan.

"Semua produk farmasetikal termasuk suplemen kesihatan dan ubat-ubatan tradisional perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum dipasarkan di Malaysia. Orang awam boleh menyemak status pendaftaran produk melalui laman sesawang NPRA (www.npra.gov.my) atau laman sesawang Program Perkhidmatan Farmasi (www.pharmacy.gov.my) atau muat turun aplikasi telefon pintar NPRA Product Status sebelum membuat keputusan untuk membeli produk kesihatan dalam talian.

Produk yang berdaftar dengan PBKD mempunyai dua ciri utama iaitu nombor pendaftaran MAL dan pelek Hologram MeditagTM. Kedua-dua ciri ini perlu dipamerkan pada setiap pek jualan produk yang berdaftar," katanya.



AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : TENGAH

Harapan KKM untuk Bajet 2020

Kuala Selangor: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berharap kerajaan memberi pertimbangan serius bagi meningkatkan peruntukan kementerian itu dalam Belanjawan 2020 yang dijangka dibentangkan bulan depan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, ini kerana kualiti perkhidmatan kesihatan di negara ini khususnya belum mencapai tahap memuaskan dan ia turut disokong laporan Ketua Audit Negara tahun ini.

"Kita kurang belanja, kurang diberikan dana, kekurangan kakitangan, tetapi perlu kerja lebih masa.

"Malah, laporan audit negara juga menunjukkan hospital di seluruh negara memerlukan beberapa penambahbaikan dari segi kelengkapan dan peralatan.

"Bagaimanapun, menerusi pertemuan dengan Menteri Kewangan, kita sudah buat permo-

honan awal mengenai beberapa isu termasuk perjawatan di KKM dan isyarat awal diberikan respons positif," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Penyampaian Anugerah Jom Nak Sihat Daerah Kuala Selangor di sini, semalam.

Menurut Laporan Audit Negara 2018 Siri 1 yang dibentangkan Julai lalu, Jabatan Kecemasan dan Trauma (ETD) mengalami kekurangan perjawatan antara 11.6 hingga 53.1 peratus berbanding bilangan perjawatan diperlukan berdasarkan pengiraan *Workload Indicators of Staffing Need (WISN) 2010*.

Laporan itu turut menyebut kekurangan perjawatan bagi pakar kecemasan antara 75.6 hingga 79.5 peratus, pegawai perubatan antara 41.2 hingga 64.6 peratus, penolong pegawai perubatan antara 2.6 hingga 33.9 peratus dan jururawat terlatih antara 17.4 hingga 67.1 peratus.



DR Dzulkefly (tengah) bersama peserta pada Majlis Penyampaian Anugerah Program Jom Nak Sihat di Dewan MDKS, Bandar Baru, Kuala Selangor, semalam.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

Health and Works ministries in need of bigger allocations

KUALA SELANGOR: Both the Health and the Works ministries are hoping for a bigger slice of the pie under Budget 2020, which will be tabled on Oct 11.

The Health Ministry said the bigger allocation was needed to address the shortage of staff, equipment and facilities that it had been facing for a long time.

Its minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (*pic*) said it had submitted requests on the matter to the Finance Ministry for consideration during planning for next year's budget.



Adding that there had been "positive" reaction to the requests, he said the ministry had not been getting enough allocation and was facing "understaffed" and "overworked" issues for a long time, which had also been acknowledged by the Auditor-General in his report.

"The ministry hopes that in next year's budget, we will be given a bigger allocation to address issues related to facilities, equipment and staff so that we can better serve the people," he told reporters at the Kuala Selangor District Healthcare Award presentation ceremony

here yesterday.

Dr Dzulkefly, who is also the Kuala Selangor MP, said he was currently in the process of working closely with the Finance Ministry to update the final list of requests.

"As I have previously said, the health sector besides the education sector, should be given priority. The allocation for the health sector should be in line with the country's position as an upper-middle income economy," he pointed out.

In Alor Setar, deputy Works Minister Mohd Anuar Mohd Tahir said there had been many complaints about federal roads which were not addressed due to budget limitations.

"So, (hopefully, there will be) an increased budget - more than last year.

"(This is) because federal roads, highways, and bridges are used by the people every day, every hour, and they need to be upgraded," he told reporters after the Kedah State Legislative Assembly sitting here yesterday.

He said priority would be given to states with long federal roads, such as Pahang, Kedah and Perak.

On another matter, Mohd Anuar said there were 303 places in Kedah which had been identified as hotspots for floods due to drainage problems which must be given attention. — Bernama